

# Tajau dan Peranannya dalam Budaya Masyarakat Murut di Tenom, Sabah

Abd Hakim Mohad

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah*

## Pendahuluan

Perkataan 'Murut' di Sabah merujuk kepada kumpulan penduduk yang tinggal di lereng bukit atau di tanah tinggi di pedalaman yang mempunyai hubungan rapat dengan suku Dusun. Sebagaimana masyarakat atau etnik Dusun di Sabah, suku kaum ini juga mendapat gelaran atau nama daripada pendatang luar. Mengikut Pollard<sup>1</sup>, istilah Murut berasal daripada akar kata 'purut' iaitu 'berian'<sup>2</sup>. Namun ada juga pengkaji yang mengatakan bahawa perkataan 'purut' itu diperolehi daripada perkataan 'burut' iaitu sejenis tumbuh-tumbuhan berubi yang menjadi kegemaran masyarakat ini. Sebelum wujudnya nama 'Murut' ini, suku etnik ini dikenali dengan pelbagai nama mengikut alam sekeliling tempat mereka menghuni. Contohnya, Prentice (1965: 27) menggelarkan suku kaum ini sebagai '*hill people*' atau orang bukit, justeru mereka mendiami kawasan-kawasan lereng dan perbukitan. Whelan (1970: 44) pula menggelarkan mereka sebagai *man of wood* kerana lokasi petempatan mereka ialah kawasan hutan rimba. Walau apapun gelaran yang diberikan, kini masyarakat yang dimaksudkan ini memiliki satu nama yang dikenali sebagai suku kaum Murut. Golongan ini menghuni di tiga kawasan utama di Bahagian Pedalaman (Barat Daya Sabah) iaitu Tenom, Keningau dan Pensiangan.

Kebanyakan daripada suku kaum ini masih tinggal di rumah panjang di kawasan berbukit dan berhampiran dengan sungai. Walau bagaimanapun, penempatan rumah panjang pada ketika ini semakin berkurangan disebabkan oleh arus pembangunan yang pesat turut mengheret suku kaum ini untuk turut sama menghayati erti kemodenan ini. Justeru, sudah terdapat masyarakat Murut yang kini meninggalkan petempatan di rumah panjang dan beralih ke rumah sebuah. Bahkan sebahagiannya kelihatan begitu selesa sekali tinggal di pekan atau di bandar seperti Kota Kinabalu berbanding dengan penempatan asal mereka.

Sungguhpun demikian, masih terdapat sebahagian daripada mereka yang hidup dengan mengekalkan ciri tradisi yang mereka warisi daripada nenek moyang mereka dan menetap di rumah panjang. Satu ciri penting rumah panjang yang masih

dikekalkan dan menjadi *trade mark* rumah panjang masyarakat ini ialah lansaran. Ia ialah satu *platform* kayu yang disokong oleh rotan sebagai spring menyerupai *trampoline*. Lansaran atau dewan lansaran dibuat di tengah-tengah ruang tamu rumah panjang. Lantai paling bawah sekali dibuat daripada susunan kayu-kayan keras dan mudah dilentur seperti kayu selangan batu. Lapisan paling bawah ini terletak 18 hingga 25 inci lebih rendah daripada paras lantai rumah. Lapisan kayu-kayu tersebut diikat dengan rotan seperti sebuah rakit. Di atas lapisan ini disusun pula dengan lapisan lain dengan keadaan melintang. Sebagai lapisan atas, lapisan kayu ini juga dilapisi papan untuk menutupi lapisan kayu tersebut. Dengan kondisi kayu tersebut, ia bertindak sebagai spring yang melambung apabila ada orang yang melompat di atasnya. Lazimnya, satu lansaran boleh memuatkan 20 hingga 40 orang. Tarian yang dilakukan di tengah-tengah dewan lansaran ini agak unik kerana penarinya tidak bergerak melintang tetapi sebaliknya bergerak secara menegak. Di atas bumbung dewan ini, iaitu kira-kira 15-18 kaki tinggi dari lantai, digantungkan suatu benda yang dipanggil *singkowoton*. *Singkowoton* ini pada masa dahulu adalah tengkorak kepala musuh yang tewas dalam peperangan. Pada masa kini, *singkowoton* digantikan dengan ukiran paruh burung enggang dan juga adakalanya diletakkan wang, pakaian, rokok dan sebagainya.

Dalam aktiviti seharian, kaum Murut melakukan aktiviti sara diri secara pertanian pindah di kawasan pedalaman. Tanaman yang ditanam termasuklah padi bukit dan ubi kayu. Sungai menjadi saluran pengangkutan utama dan sumber makanan alternatif mereka. Kemahiran menggunakan sumpit dan tombak dalam pemburuan kepala yang amat digeruni pada suatu ketika dahulu, kini hanya digunakan untuk tujuan pemburuan makanan (yang berkaki empat sahaja) dan upacara khas. Kebudayaan dan kesenian kaum Murut seperti tarian, pakaian, muzik dan makanan terserlah pada upacara-upacara khas terutama pada upacara perkahwinan.

Pada hari ini, kebanyakan orang Murut telah menganuti agama Kristian dan Islam. Penganutan ini telah mengubah sedikit sebanyak cara hidup mereka yang sebelumnya begitu kuat kepercayaannya kepada semangat. Justeru, amalan tradisi masyarakat ini semakin lama semakin terhakis ditelan zaman. Hanya sebilangan warga emasnya sahaja yang masih berpegang kepada adat dan tradisi nenek moyang mereka.

Tidak dapat dinafikan bahawa tajau atau tembikar yang diperbuat daripada tanah liat merupakan barangan atau perkakasan yang dianggap sangat penting bagi masyarakat tradisi ini terutamanya dalam upacara perkahwinan dan kematian.

### **Tajau Murut**

Masyarakat Murut percaya bahawa tajau mempunyai semangat yang tersendiri. Semangat tajau ini mampu untuk membawa kebaikan atau keburukan kepada



pemilikinya. Namun hanya tajau yang mempunyai *lamai*<sup>3</sup> sahaja dipercayai mempunyai semangat seperti tajau Tiluan, Minukul dan Belayong. Mereka percaya bahawa semangat yang mendiami tajau bernama “*kaansayan*” atau semangat keharmonian. Tajau yang mempunyai semangat akan berbunyi *anguringop* atau *anguripit*. Bunyi seperti ini, membawa alamat yang tidak baik seperti ada orang akan meninggal dunia pada masa terdekat. Bunyi seperti itu juga menandakan bahawa semangat pada tajau itu meminta makanan daripada tuannya.

Bagi mengelakkan daripada mendapat bala, semangat tajau dan gong tersebut harus diberi makan dengan tujuh biji beras. Ini bertujuan agar ia tidak memakan semangat tuannya. Lamai ini juga bertujuan untuk memanggil semangat tajau dan gong yang lain agar datang bersama mereka. Dalam masa yang sama, ia akan menambahkan koleksi harta tuannya. Pada masa dahulu sesiapa yang banyak menyimpan barang-barang seperti gong dan tajau dikira mempunyai taraf yang tinggi dan kaya.

## **Adat Perkahwinan Murut**

### ***Peminangan***

Adat perkahwinan dalam masyarakat Murut sangat unik. Tajau merupakan barangan berharga yang tidak boleh dipisahkan dalam upacara perkahwinan. Hal ini bukan hanya sekadar amalan rutin dalam sesuatu upacara perkahwinan bahkan sebaliknya ada suatu kepercayaan bahawa semangat yang ada pada tajau tersebutlah yang akan menentukan jangka hayat sesebuah perkahwinan. Antara jenis tajau yang digunakan ialah *Tiluan* dan *Binungkul*. Tajau jenis ini mempunyai nilai yang sangat tinggi di sisi mereka.

Penggunaan tajau dalam upacara perkahwinan Murut bermula seawal proses peminangan. Kebiasaannya masyarakat Murut Tagol melakukan peminangan untuk anak mereka sejak anak tersebut berada dalam kandungan ibunya lagi. Adat ini disebut sebagai “*sambila mampoi*”. Mereka melakukan perkara ini bagi mengelakkan daripada anak tersebut diambil ataupun dipinang oleh orang lain. Sekiranya anak yang lahir bukan perempuan maka mereka akan terus menunggu sehingga anak perempuan yang lahir. Upacara ini juga dijalankan sebagaimana majlis pertunangan biasa dengan hantaran seperti tajau yang disebut “*sampa langkang*”, gong dan bungkas.

### ***Pertunangan***

Sebelum melangsungkan perkahwinan, kedua-dua pengantin akan mengikat tali pertunangan. Menurut sumber yang ditemui, antara barangan yang digunakan dalam majlis pertunangan ialah kual, manik dan tajau. Kual tersebut diberikan kepada pihak perempuan sebagai tanda bahawa perempuan tersebut sudah berpunya dan tidak boleh dipinang oleh orang lain.

Hasrat untuk mengikat tali pertunangan akan disampaikan oleh ibu bapa pihak lelaki kepada keluarga pihak perempuan. Semasa perundingan pertunangan itu dijalankan, beberapa orang saudara daripada pihak lelaki akan dijemput hadir bersama ketua kampungnya, manakala ketua kampung daripada pihak perempuan pula berperanan sebagai saksi utama.

### ***Berian***

Berian atau hantaran perkahwinan bagi masyarakat ini ditentukan berdasarkan kedudukan pengantin lelaki. Sekiranya ia terdiri dari golongan bangsawan, maka kebiasaannya beriannya ialah dua tajau lama, tiga puluh kepala lembu atau kerbau, tajau '*Tabu Maong*', dua atau tiga gong lama, sepuluh tajau baru '*Rubi Abai*', lima bilah '*parang Ilang*', hamba (separuh daripada yang dimiliki oleh keluarga pengantin lelaki) dan tengkorak manusia yang diasapkan (separuh daripada yang dimiliki oleh keluarga pengantin lelaki).<sup>4</sup> Bagi masyarakat biasa pula, beriannya ialah sepuluh kepala lembu, sebilah '*Parang Ilang*', sebatang sumpit, lima tajau '*Rubi Abai*' dan satu hadiah (bergantung kepada pengantin lelaki).<sup>5</sup>

Selain tajau, gong juga sering digunakan dalam upacara perkahwinan. Gong ini juga mempunyai semangat yang boleh membantu dalam mengekalkan sesuatu perkahwinan. Selain itu, parang (pedang) berambut juga dipercayai mempunyai semangat yang boleh membantu dalam mengekalkan sesuatu perkahwinan. Parang ini sangat istimewa dan bukan semua orang mampu untuk memilikinya. Parang tersebut dipercayai mempunyai semangat yang boleh membuatkan seseorang itu jatuh sakit (terkena *sangor* dari semangat parang). Oleh sebab itu ia hanya dimiliki oleh orang-orang tertentu sahaja, iaitu mereka yang kuat semangatnya yang lazimnya berketurunan pahlawan. Parang tersebut akan terus diwarisi oleh keturunannya dan tidak boleh berpindah tangan sewenang-wenangnya.

Parang tersebut digunakan bagi membersihkan jalan daripada sebarang semangat yang membawa malapetaka sebelum sesuatu majlis perkahwinan dilaksanakan. Biasanya pihak perempuan akan memberikan parang jenis ini sebanyak empat bilah. Parang yang pertama digunakan untuk membersihkan jalan, parang kedua untuk membuka pintu masuk ke dalam rumah perempuan, parang ketiga sebagai alat untuk memotong kayu dan menyediakan tempat duduk perempuan apabila pengantin perempuan dibawa oleh pihak lelaki dan yang terakhir bertujuan untuk kegunaan pengantin perempuan mencari kayu untuk memasak semasa berada di rumah mentua. Pendek kata, parang berambut tersebut sebagai pelengkap syarat semasa perkahwinan. Pihak lelaki tidak akan memberi berian seandainya pihak perempuan tidak menyediakan parang berambut tersebut terlebih dahulu. Semakin tua usia parang tersebut dipercayai semakin kuatlah semangatnya.

Selain parang berambut, sumpitan juga digunakan dalam majlis perkahwinan. Ia disebut sebagai "*Bului*" di mana ia dipercayai boleh menyelamatkan dan menjaga



pengantin perempuan kerana anak perempuan tersebut telah dipotong tali pusatnya dengan *bului*. Semangat pada sumpitan dipercayai terletak pada batangnya. *Bungkas*<sup>6</sup> juga dipercayai mempunyai semangat yang boleh memberikan kebahagiaan dalam sesebuah perkahwinan.

### **Majlis Perkahwinan**

Upacara perkahwinan itu bermula apabila pengantin lelaki datang bertandang ke rumah pengantin perempuan dengan membawa berian yang mereka janjikan sewaktu pertunangan. Berian ini berbeza dengan berian pertunangan. Biasanya pengantin lelaki akan membawa tajau<sup>7</sup> yang berbagai-bagai jenis seperti tiluan, binukul, balayung, malalair serta gong.<sup>8</sup> Pengantin lelaki juga membawa manik, bungkas<sup>9</sup>, gong, wang ringgit dan kerbau atau lembu.

Bagi memastikan perjalanan majlis perkahwinan berjalan lancar dan sempurna, pelbagai persiapan dibuat termasuklah menyediakan beberapa tempat khas yang digunakan oleh pengantin. Antaranya ialah *sangiang*, iaitu tempat di mana pengantin bersanding. Tempat ini dihias dengan hiasan yang menarik dan diletakkan *ingkun*. Tempat pihak lelaki menjamu selera dipanggil sebagai *totohon* yang membawa maksud tempat perhentian. Tempat ini digunakan oleh pihak perempuan sebagai tempat untuk menghidangkan makanan kepada tetamu iaitu rombongan lelaki. Rombongan lelaki akan singgah di *totohon* untuk makan bersama rombongan sebelum sampai ke rumah pengantin perempuan.

Selepas upacara perkahwinan, pengantin perempuan akan mengikuti suaminya dan selepas empat hari empat malam, mereka akan kembali ke tempat perempuan dan ini dinamakan sebagai "*apanduli ra vaya*" yang bermaksud mengembalikan kehidupan. Istilah ini juga disebut sebagai "*angiwan*". Pengantin lelaki akan mencari kayu api untuk setiap mentuanya. Ia bertujuan agar mereka sentiasa bahagia, murah rezeki dan kemesraan sentiasa terjalin. Lelaki akan tidur tempat mentuanya selepas empat hari selama satu atau dua hari. Tujuan "*angiwan*" ini dijalankan bagi mengelakkan daripada menantunya mendapat sakit dan mempunyai semangat yang kuat.

Dalam melangsungkan majlis perkahwinan, masyarakat Murut mengamalkan petua tersendiri bagi mengelakkan daripada mendapat bala atau perkara yang mengganggu keharmonian sebuah perkahwinan. Antara perkara yang harus dielak semasa hendak melangsungkan perkahwinan ialah terserempak dengan pelanduk, rusa, ular berbisa atau binatang yang berbisa. Mereka percaya bahawa perkahwinan tidak akan kekal jika mereka terserempak dengan haiwan ini. Bagi mereka ia merupakan roh atau semangat jahat yang dipanggil *Angai* yang menyamar sebagai haiwan tersebut bagi mengganggu keharmonian mereka. Jika terserempak dengan haiwan ini, mereka harus menangguk majlis perkahwinan berkenaan selama satu atau dua bulan bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diinginkan.

### ***Berian Mati***

Masyarakat Murut juga amat terkenal dengan istilah berian sampai matinya. Hal ini kerana, pihak lelaki akan terus membayar beriannya sehingga ia tua dan bercucu. Pada masa ini ataupun sewaktu pihak lelaki membayar beriannya, pihak perempuan akan mengeluarkan semua hidangan yang telah disediakan untuk diberi makan kepada rombongan lelaki. Jika hidangan tersebut tidak habis dimakan, maka mereka dikehendaki untuk membawa pulang segala makanan tersebut. Pada masa ini juga, pihak lelaki akan membawa hantaran ataupun berian seperti tajau, gong, manik, bungkas dan wang. Terdapat beberapa peringkat yang harus diikuti oleh pihak lelaki semasa membayar berian ini. Pertama ialah *subak omom*, *subak inasi*, *subak alabak* dan *inasi*.

### ***Tinauh***

Sebelum upacara *tinauh* bermula keluarga pengantin perempuan akan melantik beberapa *angkaunan*<sup>10</sup> yang dipanggil *paliloyok* sebagai wakil untuk berbincang dengan pihak pengantin lelaki mengenai upacara *tinauh*. Pada perbincangan tersebut *angkaunan* membawa bersama senarai permintaan dan *tibuku*<sup>11</sup> dari pihak perempuan. Antara permintaannya ialah *bobok*,<sup>12</sup> tajau, rantai emas, mesin jahit dan cincin emas. Bagaimanapun permintaan ini boleh dirunding atau diganti dengan barangan lain mengikut budi bicara *angkaunan*. Hari ini juga merupakan hari terakhir bagi keluarga perempuan untuk meminta berian daripada pihak lelaki. Para tetamu pula akan diberi *susubat*, iaitu makanan dan minuman yang akan diberikan oleh pihak perempuan.

### **Upacara Kematian Murut**

Pada masa dahulu, simbolik ketika berlaku kematian dalam masyarakat Murut Tagol ialah paluan gong. Amalan ini merupakan amalan nenek moyang yang telah menjadi tradisi dan amalan masyarakatnya hingga kini. Paluan gong ini menandakan adanya kematian dan ia bertujuan memberi isyarat agar masyarakat yang ada di sekitar kampung datang membantu keluarga si mati.

Isyarat ini juga bertujuan agar masyarakat tidak melanggar peraturan ketika berlaku sesuatu kematian seperti menyanyi, menjerit dan ketawa. Mereka juga perlu meninggalkan pekerjaan seharian seperti bekerja di ladang bagi menghormati si mati dan keluarganya. Kebiasannya, masyarakat sekeliling akan datang membantu (bergotong-royong) dan membawa barang-barang sebagai buah tangan kepada si mati seperti beras, jeruk, daging, lauk dan berbagai-bagai lagi. Jantina si mati juga dapat dikesan berdasarkan bunyi paluan gong ini.

Mayat si mati kebiasaannya disimpan selama dua atau tiga hari bagi menunggu keluarga si mati yang belum sampai. Mayat tidak akan dimandikan sebelum



dikebumikan kerana mereka percaya mayat tersebut akan cepat reput dan semangatnya akan hilang kalau dimandikan. Terdapat dua cara dalam upacara pengebumian mayat dalam masyarakat Murut. Pertama ialah dengan memasukkan mayat ke dalam tajau (takar) dan yang kedua memasukkan ke dalam kayu yang telah dibentuk seperti perahu (keranda). Semasa mayat dimasukkan ke dalam tajau, mayat diletakkan dalam keadaan duduk, kaki dilipat dan kepala di atas. Keadaan ini bertujuan memberi keselesaan kepada semangat atau roh si mati dan mereka percaya bahawa semangat yang ada pada tajau itu akan menolong roh si mati ke alam lain. Selepas itu, tajau berkenaan ditutup dengan gong, ini bertujuan mengelakkan daripada dimasuki lalat.

Melalui cara ini juga, menurut kepercayaan Murut mengelakkan daripada mayat dimasuki cacing dan serangga lain yang mengganggu mayat tersebut. Pada masa dahulu, dipercayai bahawa amalan memasukkan mayat ke dalam tajau ini dilakukan oleh orang yang berada. Cara ini dikatakan agak mahal pada masa dahulu dan hanya orang berada mampu menjalankan upacara ini.

Selain itu, segala barang-barang yang dimiliki oleh si mati semasa hayatnya juga dikedirukan bersama atau diletakkan di atas kubur atau tempat menyimpan tajau yang terdapat mayat tersebut. Semangat barang-barang tersebut dipercayai dibawa oleh roh si mati bersama ke alam yang lain. Kebiasaannya, tempat menyimpan tajau mayat tersebut dihiasai dengan bunga dan "*ingkun*" sejenis hiasan daripada kayu yang diraut kemas. Pondok tempat menyimpan tajau tersebut disangkut dengan barang si mati seperti pakaian, beg dan lain-lain lagi.

Selepas upacara pengebumian dilakukan, keluarga si mati akan berpantang. Tempoh waktu berpantang ini bergantung kepada jantina si mati. Jika ia lelaki, maka tempoh waktu berpantang selama tujuh hari, manakala perempuan selama empat hari. Selama berpantang keluarga si mati tidak dibenarkan keluar dari rumah, menyanyi, berteriak dan berpakaian cantik. Ini bertujuan bagi menghormati roh si mati dan menunjukkan bahawa mereka benar-benar dalam keadaan sedih. Sesiapa yang melanggar pantang ini akan dikenakan "*sogit*" atau hukuman berupa seekor babi ataupun tajau sebagai denda.

Pada masa berpantang ini juga, keluarga si mati akan mengadakan upacara memberi makan kepada roh si mati. Makanan untuk semangat si mati akan diletakkan pada simpang pertama untuk pergi ke rumah si mati. Mereka percaya bahawa roh si mati akan datang untuk makan tapi ia tidak akan sampai di rumah. Oleh sebab itu mereka meletakkan makanan tersebut di simpang pertama rumah. Selain itu, jika tidak diletakkan di simpang jalan, mereka akan membuang makanan di luar ataupun bawah rumah sambil memanggil roh si mati. Upacara ini hanya akan dijalankan selama waktu berpantang sahaja kerana mereka percaya selepas waktu itu, roh si mati akan sejuk dan tidak akan sampai di rumah lagi.

Setelah habis pantang, satu keramaian akan diadakan bagi menghormati dan meraikan si mati buat kali terakhir. Pada masa ini, keluarga si mati akan mengadakan majlis makan bersama dan meminum air tapai bagi menghilangkan kesedihan yang

dialami selama itu. Dalam upacara itu juga, saudara mara si mati akan datang membawa buah tangan seperti tajau, bungkas, manik, wang atau kain untuk diberi kepada keluarga si mati. Pada masa ini mereka juga akan bebas untuk bersukaria seperti menyanyi dan menari.

Selain daripada mengadakan keramaian selepas tujuh atau empat hari, mereka juga mengadakan upacara seratus hari. Di mana mereka memperingati pemergian si mati selepas seratus hari. Pada masa ini upacara diadakan seperti majlis perkahwinan, di mana anak perempuan ataupun menantu lelaki membawa sekurang-kurang sebuah tajau sebagai pemberian kepada keluarga yang telah meninggal dunia. Mereka juga mengadakan majlis makan dan minum air tapai selama beberapa hari.

## Penutup

Kesimpulannya, masyarakat Murut yang kaya dengan segala macam tradisi yang mereka warisi daripada nenek moyang mereka, banyak bergantung kepada tajau sebagai lambang kebudayaannya serta cerminan pandangan hidupnya. Dari kecil hingga dewasa bahkan matinya mereka itupun bersama tajau. Demikianlah rapatnya tajau dengan kehidupan mereka.

## Nota

1. Pollard, 1935. *Some Comparative notes on Murut and Kelabit*. Sarawak Museum. halaman 223.
2. Berian adalah istilah yang digunakan atau diterima pakai dalam masyarakat Sabah yang membawa maksud hantaran kahwin.
3. Lamai ini merupakan benda yang berbentuk butang yang besar. Sekiranya benda ini terdapat pada tajau dan gong ini bermakna barang ini mempunyai semangat. Tajau lamai ini diwarisi turun temurun dari nenek moyang.
4. Penghulu Balang Siran, *A Murut Wedding in Kalimantan in The Sarawak Museum Journal*, Vol. XI, Kuching, halaman 88.
5. Ibid, halaman 89.
6. Manik-manik yang disusun dan disambung.
7. Tajau atau takar mendapat tempat yang istimewa dalam masyarakat Murut kerana dipercayai mempunyai semangat tertentu yang dapat memberikan kebaikan kepada manusia. Semangat tajau ini dikatakan baik bagi sepasang suami isteri dan mampu memberikan kerukunan rumahtangga hingga akhir hayat. Semakin tua usia tajau itu, semakin kuatlah semangatnya. Tajau perlu dipelihara dengan baik agar tidak pecah kerana semangat tajau akan hilang apabila tajau tersebut pecah.
8. Gong juga dipercayai mempunyai semangat yang akan memberikan kekuatan dan kebahagiaan kepada pasangan yang berkahwin.



9. Sejenis hiasan pinggang bagi wanita yang dipakai dipinggang. Diperbuat daripada batu laut yang disimpan lama. Dipercayai boleh menjauhkan diri manusia daripada penyakit serta mampu mengubati penyakit.
10. Orang tengah.
11. Penetapan hari.
12. Manik yang sudah dibentuk.

## **Bibliografi**

- Balang Siran, *A Murut Wedding in Kalimantan in The Sarawak Museum Journal*, Vol. XI, Kuching.
- Headly, D. & J., 1948. Timogan Genesis. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*. Vol. XXI. Part I. Singapore: Singapore Printers Limited.
- Harrison, Tom, 1967. Ethnological Notes on the Muruts of the Sapulut River, Sabah. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*. Vol 40. Part I. Kuala Lumpur.
- Pollard, 1935. *Some Comparative notes on Murut and Kelabit*. Sarawak Museum.
- Prentice, D. J., 1965. *Ethnic Groups of Insular South-East Asia*. Vol 1
- Tomiyuki Uesegi, 1989. *Apasawang: One of the Bridewealth Exchange Ceremonies among the Tagal Murut of Sabah, Malaysia*. Japan: Tokyo Metropolitan University.
- Woolley, G. C., 1936. "Some Murut Hunting Customs". *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society*. 14:pt.3.
- Zaini Mohd Isa, 1969. *Kebudayaan dan Adat Resam Kadazan dan Murut*. Kelantan: Penerbit PAP.
- Temu bual bersama Lamugan Baroh (55 tahun), 10 Julai 2004, di Kg. Mamaitom.
- Temu bual bersama Latau Galui (85 tahun), 10 Julai 2004, di Kg. Gumisi.
- Temu bual bersama Sarawa Lakisan (52 tahun), 17 Mac 2004, di Kg. Polong, Tenom.
- Temu bual bersama Siah Abak (47 tahun), 10 Julai 2004, di Kg. Mamaitom, Kemabung.
- Temu bual bersama Undan Ambun (67 tahun), 10 Julai 2004, di Kg. Mamaitom.

